

# -Tunku tidak simpan dendam pada Mahathir

21 FEB 1978  
KUALA LUMPUR 20 Feb. — Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman berkata hari ini beliau tidak menyimpan sebarang dendam terhadap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

"Saya rasa beliau sudah sedar segala kesalahannya terhadap diri saya dan saya menganggap segala itu sebagai suatu perkara yang telah berlalu," katanya dalam ruangan minggunya "As I See It" dalam akhbar The Star hari ini.

Tunku membuat penjelasan tersebut sebagai mengulas rencana dalam majalah Asiaweek minggu lalu yang menyatakan Tunku masih menaruh dendam terhadap Datuk Sri Dr. Mahathir kerana surat terbukanya.

Kata Tunku: "Memang benar, "surat terbuka Datuk Sri Dr. Mahathir yang diedarkan secara luas banyak membawa akibat kepada saya.

"Tetapi saya tidak lagi menaruh dendam terhadap beliau kerana saya rasa dia sudah sedar kesalahannya.

"Sejak kebelakangan ini beliau juga telah menghormati dan jujur terhadap saya dan saya rasa baik apa pun yang beliau telah lakukan terhadap saya di masa lalu, beliau telah sedar dan menutupnya."

Tambah Tunku. "saya merasa senang melupakan segala-segalanya. Biarlah apa yang berlalu itu ditinggalkan begitu sahaja."

Katanya lagi: "Tugas Timbalan Perdana Menteri itu sekarang ialah untuk menjaga negara, menyatupadukan rakyat dari berbagai kaum dan berbuat apa sahaja yang baik untuk negara.

"Sekarang terpulanglah kepada beliau untuk membetulkan apa sahaja kesalahan yang dianggapnya telah saya lakukan dahulu dan saya mengucapkan selamat kepadanya.

"Saya sedar betapa beratnya tugas beliau sekarang. Peluang baginya jelas sekali sekarang dan marilah kita bersama-sama berharap beliau dapat menggunakan segala peluang itu dengan sebaik-baiknya."

Bekas Perdana Menteri itu menafikan dakwaan kononnya beliau masih menyimpan dendam terhadap Datuk Sri Dr. Mahathir.

"Sejauh yang kami berdua tahu hubungan kami baik dan saya berdoa agar hubungan itu akan terus berkekalan," tegas beliau.

Menyentuh tentang hubungannya dengan Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam, Tunku berkata: "Saya tidak pernah berselisih faham dengannya."

Katanya, "seperti Pemuda UMNO masa itu, Datuk Musa tidak sabar menunggu gilirannya."

Tunku berkata: "Pada masa itu Datuk Musa meluahkan rasa kurang senangnya terhadap "angkatan tua" yang berada dikeliling saya masa itu dan beliau mahu mereka ini (angkatan tua) memberi peluang kepada orang yang lebih muda.

"Hanya atas dasar ini saya berselisih faham dengan beliau. Selain dari itu, hubungan saya dengan Datuk Musa adalah seperti biasa".

Bekas Perdana Menteri itu menambah: "Datuk Musa juga telah menerangkan rasa kurang senangnya di kalangan ahli-ahli parti.

"Tetapi beliau tidak pernah membuat sebarang percubaan untuk menggulingkan saya.

"Beliau telah dipecat oleh Exco UMNO, bukan saya."

Beliau menambah, sebagai Menteri Pelajaran, Datuk Musa nampaknya mempunyai pandangan yang jauh dalam memperbaiki Dasar Pelajaran Kebangsaan.

"Saya mendoakan agar beliau berjaya dalam perjuangannya," kata Tunku.

Tunku Abdul Rahman juga menafikan dakwaan yang Allahyarham Tun Abdul Razak telah melancarkan gerakan untuk menjatuhkannya secara terbuka.

"Allahyarham Tun Abdul Razak tidak pernah membuat sebarang percubaan untuk menjatuhkan saya secara terbuka.

"Orang yang lebih bertanggungjawab dalam gerakan ini ialah orang-orang yang ada di kelilingnya.

"Merekalah yang mahu saya diturunkan secara dramatik."

Tunku menerangkan: "Persoalan untuk mengeneipkan saya dari pucuk pimpinan negara tidak perlu timbul kerana saya telah membuat keputusan untuk turun sejak dua tahun sebelumnya."

Beliau juga mengesahkan bagaimana Datuk Abdullah Ahmad ingin mengambil alih akhbar The Star.

"Bagi mengelakkan kejadian ini dari berlaku saya bersetuju untuk duduk sebagai pengerusi akhbar tersebut," katanya.